

## **Bab 2 : Kajian Lepas**

### **2.0 Pendahuluan**

Fungsi dan kedudukan bahasa dalam masyarakat menjadi aspek kajian sosiolinguistik. Kajian ini termasuklah gejala kedwibahasaan. Kewujudan gejala kedwibahasaan dalam masyarakat majmuk sememangnya menjadi satu lumrah yang bersifat global. Hal ini kerana proses interaksi oleh penutur yang berlainan bahasa akan menyebabkan penutur kedua-dua bahasa ini cuba mempelajari bahasa pihak kedua. Proses interaksi seumpama ini seterusnya akan mewujudkan gejala pengalihan kod, percampuran kod, peminjaman bahasa dan sebagainya. Dalam bidang penyelidikan, fenomena pengalihan kod dan percampuran kod banyak dilakukan oleh ahli-ahli sosiolinguistik baik di luar negara mahupun di dalam negara. Di samping itu terdapat juga beberapa ahli sosiolinguistik tempatan yang telah menerokai bidang ini secara mendalam dengan membuat beberapa kajian kes di Malaysia.

### **2.1 Kajian di Luar Negara**

#### **2.1.1 Percampuran Kod**

Fenomena percampuran kod dalam masyarakat heterogen telah menarik minat para pengkaji bahasa asing. Braj B. Kachru ( 1978 ), contohnya, telah membincangkan secara

mendalam fenomena ini yang berlaku dalam masyarakat orang India di Asia Selatan. Dalam kajiannya, beliau telah menghubungkan fenomena percampuran kod dengan situasi dan konteks masyarakat itu sendiri. Kod bahasa yang menjadi bahan kajiannya ialah bahasa Hindi dengan bahasa Inggeris. Dalam kajiannya, beliau telah menumpukan perhatian terhadap persoalan yang berkaitan dengan bentuk percampuran kod, proses percampuran kod dan proses leksikalisasi. Di samping itu, beliau juga menghuraikan motivasi-motivasi yang menyebabkan fenomena percampuran kod ini berlaku. Kajiannya membuktikan bahawa terdapat ikatan yang rapat antara ketergantungan bahasa ( *language dependency* ) dengan fenomena percampuran kod dalam sesuatu masyarakat multilingual. Hal-hal seperti inilah yang bertanggungjawab mewujudkan percampuran kod dan pengalihan kod dalam masyarakat multilingual.

Kajiannya juga menunjukkan bahawa fenomena percampuran kod berkorelasi dengan fungsi, dan peranannya dalam sesuatu masyarakat. Dalam kajiannya, beliau telah menggunakan rangka teori konteks situasi ( *context of situation* ) untuk menghubungkan penggunaan bahasa dengan bentuk linguistik untuk menghuraikan ikatan langsung antara linguistik dengan situasi dan konteks budaya sesuatu masyarakat. Menurutnya, sikap seseorang komunikator dalam pemilihan sesuatu kod itu mempunyai jalinan yang padu dengan sikap komunikator itu terhadap bahasa dan prestij bahasa itu dalam masyarakat. Beliau menjelaskan bahawa peminjaman leksikal merupakan salah satu langkah permulaan yang boleh menyebabkan berlakunya percampuran kod. Dalam sesuatu keadaan sesuatu bahasa boleh berfungsi sebagai peresap sehingga bahasa yang diresap itu berasimilasi dengan bahasa peresap. Oleh itu peranan bahasa yang bercampur aduk itu berada di antara fungsi diglosia dengan pengalihan kod. Dalam fenomena percampuran kod, seseorang komunikator

bukan sahaja mencampurkan satu atau dua bahasa yang dikuasai oleh mereka tetapi kadang-kadang mencampurkan semua bahasa yang dikuasai oleh mereka dalam sesuatu wacana perbualan. Beliau telah merumuskan beberapa proses percampuran kod dalam kajiannya; iaitu

- ( i ) Penyisipan dari segi unit, iaitu menyisipkan satu perkataan daripada bahasa lain dan penyisipan ini melibatkan unit nahu. Contohnya, frasa nama atau frasa kerja dalam sesuatu ayat.
- ( ii ) Percampuran unit, iaitu menggunakan percampuran kod di dalam satu unit khas. Contohnya dalam satu unit frasa nama, frasa kerja atau kata kerja majmuk.
- ( iii ) Penyisipan dari segi ayat, iaitu menyisipkan satu ayat yang berlainan bahasa dalam satu wacana.
- ( iv ) Penyisipan kata kiasan dan kata kolokasi sesuatu bahasa ke dalam bahasa yang lain.
- ( v ) Menambahkan infleksi dan reduplikasi ( penggandaan ), iaitu bahasa yang diresapi itu telah mengalami proses infleksional supaya secocok dengan

bahasa peresap. Bagi proses reduplikasi, perkara dari satu bahasa dicampurkan ke dalam bahasa lain dengan bertujuan semantik *function of indefinitization*.

Kedua ialah proses leksikalisasi, iaitu memasukkan leksikal ke dalam sesuatu bahasa melalui sumber leksikal yang bukan natif kepada bahasa pertama. Beliau menghuraikan dua bentuk motivasi yang mempengaruhi percampuran kod iaitu sikap dan linguistik. Namun dalam sesuatu keadaan tertentu kedua-dua bentuk motivasi ini boleh bertindan antara satu sama lain. Beliau juga menjelaskan batasan-batasan yang terdapat pada percampuran kod iaitu :

- ( i ) Batasan dari segi pertukaran darjat.
- ( ii ) Batasan dari segi komplementiser
- ( iii ) Batasan dari segi penentu.
- ( iv ) Batasan dari segi hubungan atau rangkaian.

Daripada hasil kajiannya, beliau menyimpulkan bahawa dalam membuat pernyataan yang sempurna berkaitan dengan percampuran kod, perhubungan di antara peranan, bentuk dan fungsi percampuran kod itu memainkan peranan yang penting. Tegasnya, sesuatu kajian percampuran kod perlu ditinjau dari segi konteks bahasa dan masyarakat itu sendiri.

Pairat Warie ( 1979 ) pula membicarakan fenomena percampuran kod di Thailand

secara mendalam. Beliau menumpukan kajiannya terhadap bahasa campuran antara bahasa Thai dengan bahasa Inggeris. Beliau menjelaskan sejarah perkembangan bahasa Thai menunjukkan banyak sekali kata pinjaman yang diambil daripada bahasa-bahasa negara jiran seperti bahasa Khmer, bahasa Cina, dan bahasa Sanskrit yang kemudiannya digabung dengan bahasa Thai. Setiap bahasa itu pula berfungsi dalam bidang tertentu. Hal yang sama berlaku kepada bahasa Inggeris yang memainkan peranan yang penting dalam pendidikan tinggi dan mempunyai kaitan dengan ilmu sains dan teknologi.

Kajian beliau menunjukkan bahawa bentuk percampuran interlinguistik dan intralinguistik wujud berdampingan di antara satu sama lain. Data-data beliau menunjukkan bahawa terdapatnya unsur-unsur bahasa Inggeris dalam bahasa Thai baik pada peringkat leksikal mahupun pada peringkat ayat yang telah berasimilasi dengan bahasa Thai. Seterusnya beliau telah membezakan antara fenomena pengalihan kod dengan percampuran kod. Dalam hal ini, beliau berpendapat bahawa pengalihan kod antara bahasa Inggeris dengan bahasa Thai jarang berlaku kerana populasi orang-orang Thai yang fasih berbahasa Inggeris tidak ramai. Sebaliknya, percampuran kod bahasa Inggeris-Thai amat ketara dalam perlakuan berbahasa orang-orang Thai. Percampuran kod ini berlaku dalam semua peringkat linguistik bahasa Thai.

Satu hal yang menarik dalam kajian beliau ialah beliau telah menumpukan kajian tentang fenomena percampuran kod di Thailand dari perspektif sejarah Thailand itu sendiri semasa mengadakan perhubungan dengan negara-negara asing seperti India, Cina, Britain dan sebagainya. Dengan kata lain, beliau melihat fenomena ini dari segi konteks situasi masyarakat itu secara historis iaitu dari zaman ke zaman.

Suzanne Romaine ( 1985 ) membincangkan percampuran kod yang wujud dalam kata majmuk yang terdapat dalam bahasa Punjabi - Inggeris di Birmingham dari sudut semantik dan sintaksis. Baginya, perkara yang cukup menarik dari segi sintaksis ialah kesemua kes percampuran kod yang terlibat dalam sistem kata kerja majmuk bahasa Punjabi ini telah membenarkan bahasa Inggeris yang dipinjam itu berinteraksi dengan bahasa Punjabi tanpa melibatkan sebarang penstrukturan semula atau tidak diganggu oleh sistem morfologi pertuturan natif.

Dari segi semantik, beliau menyatakan bahawa terdapat gangguan semantik dan penstrukturan semula yang agak samar, namun dalam jangka masa yang panjang, hal ini sedikit sebanyak akan memberikan implikasi tertentu kepada bahasa itu. Ini bererti penyerapan kata-kata Inggeris ke dalam sistem kata kerja majmuk bahasa Punjabi telah sedikit sebanyak mencerminkan satu fakta yang nyata, iaitu pada tahap tertentu bahasa Punjabi itu berkurangan peraturan untuk membentuk kata kerja produktif baru.

Beliau juga menegaskan bahawa secara umumnya adalah kurang tepat untuk mengatakan penutur dwibahasa Punjabi itu menggunakan percampuran kod dengan tujuan hendak mengisikan jurang kekosongan leksikal yang terdapat pada bahasa asalnya. Ini kerana ramai daripada mereka fasih dalam kedua-dua bahasa tersebut. Baginya sesuatu analisis yang paling munasabah terhadap fenomena percampuran kod yang terdapat pada kata kerja majmuk bahasa Punjabi itu harus dianggap sebagai satu struktur baru pertemuan daripada fenomena 'sistem ketiga'. Dengan kata lain, kata kerja jenis ini terbit daripada pertemuan dua sistem linguistik daripada bahasa yang berlainan. Dengan itu ia haruslah dianalisis menurut strukturnya tetapi bukanlah dianalisis menurut bahasanya. Ini juga bererti

konstituensi dalam struktur campuran itu secara sendirinya terbit daripada satu set pertuturan yang berasingan.

### 2.1.2 Pengalihan Kod

Satu lagi aspek yang menjadi tumpuan bidang sosiolinguistik ialah gejala pengalihan kod. Ahli sosiolinguistik seperti Scotton, Carol Myers, dan Willian Ury ( 1977) dalam artikel mereka *Bilingual Strategies : The Social Function of Code-Switching* telah membincangkan kepentingan peranan pengalihan kod dalam masyarakat dwibahasa berdasarkan interaksi sosial yang terdapat dalam komuniti itu sendiri. Menurut mereka pengalihan kod yang berlaku semasa berinteraksi dalam sesuatu kelompok itu boleh terjadi dan bertukar-ganti antara tiga arena sosial, iaitu identiti, kuasa dan pelaksanaan. Menurut mereka peranan pengalihan kod adalah untuk mewujudkan satu reaksi berinteraksi yang berterusan daripada satu arena kepada arena sosial yang lain. Pada satu pihak yang lain pula, pengalihan kod ini merupakan percubaan seseorang penutur untuk merunding dan membuat satu penentuan baru dengan orang lain dalam satu arena sosial yang baru. Dengan kata lain, peranan pengalihan kod merupakan satu tindak balas bagi meneruskan suatu interaksi dalam sesuatu arena sosial.

Metodologi kajiannya adalah dengan cara memainkan kembali 4 keping pita rakaman perbualan untuk didengar oleh sampel yang terdiri daripada lima puluh orang lelaki dan dua puluh orang wanita yang terpilih. kemudiannya temu bual dengan sampel telah diadakan, dan soalnya berdasarkan kepada rakaman yang telah didengar oleh mereka. Cara menganalisis

kewujudan pengalihan kod dalam perbualan itu bergantung pada kesedaran sampel itu sendiri terhadap rakaman perbualan yang telah didengar sebelum ini.

Gumperz ( 1977 ) dalam kajiannya yang berjudul *The Sociolinguistic Significance of Conventional Code-Switching* mengatakan bahawa pengkaji-pengkaji awal cenderung membicarakan fenomena pengalihan kod itu sebagai satu fenomena tambahan yang wujud dalam gangguan linguistik ketika seseorang itu mempelajari sistem nahu yang baru. Menurut beliau, fenomena pengalihan kod ini masih merupakan fenomena sosiolinguistik, dan daripada sudut semantik, pengalihan kod ini lebih berperanan sebagai satu tanggungjawab penting bagi seseorang komunikator menyampaikan sesuatu maklumat penting dalam interaksi lisan dengan orang lain.

Gumperz menjelaskan kepentingan fenomena pengalihan kod itu dengan mengklasifikasikannya berdasarkan fungsi perbualan tertentu. Fungsi pengalihan kod yang dikaji itu wujud dalam dwibahasa bahasa Slovenian - German, bahasa Spanyol - Inggeris dan bahasa Hindi - Inggeris. Daripada hasil kajiannya, beliau menegaskan bahawa fenomena pengalihan kod itu mempunyai beberapa peranan. Pertama, sebagai petikan langsung atau laporan kepada sesuatu pengucapan tertentu. Kedua, sebagai satu cara untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada seseorang tertentu. Ketiga, sebagai satu tanda seruan dalam sesuatu perbualan. Keempat, sebagai mengulangi sesuatu mesej dalam struktur harafiah atau struktur yang telah diubahsuaikan ke dalam sistem nahu tertentu. Kelima, sebagai kecekapan kepada sesuatu pesanan, misalnya untuk mengehadkan konstruksi sesuatu ayat atau kata kerja komplemen atau satu kopula yang diikuti oleh predikat tertentu, dan keenam untuk menghubungkan perbezaan yang terdapat di antara mengatakan kesan sesuatu perkara

dengan kata-kata yang mempunyai kesan tertentu, dan untuk menunjukkan darjat penglibatan seseorang penutur atau jaraknya daripada sesuatu mesej atau pernyataan yang dapat mencerminkan pendapat atau pengetahuan seseorang individu itu terhadap sesuatu perkara.

Klasifikasi fenomena pengalihan kod yang wujud dalam sesuatu perbualan yang diusahakan oleh beliau itu amat berguna dan jelas. Ini kerana penjelasannya telah disertai oleh beberapa contoh yang signifikan dan relevan. Pengklasifikasian seperti ini juga telah menjadi satu panduan dan ilham yang dapat memberi manfaat kepada pengkaji-pengkaji lain.

Robert J. Di Pietro ( 1977 ) pula berpendapat bahawa pengalihan kod yang wujud di kalangan masyarakat dwibahasa itu berperanan sebagai satu strategi lisan semasa berlakunya interaksi antara satu sama lain. Menurutnya, pengalihan kod ini boleh dikaji dengan menggunakan pelbagai teori dan pendekatan. Fenomena ini juga merupakan satu fenomena bahasa yang kompleks. Menurutnya, pengalihan kod itu wujud tanpa disedari oleh penuturnya dalam percakapan sehari-harian mereka. Pengalihan kod ini berlaku kerana penuturnya berhasrat mencapai satu matlamat atau kesan tertentu semasa berkomunikasi dengan orang lain. Dengan kata lain, beliau menumpukan kajiannya terhadap kewujudan pengalihan kod yang sengaja dilakukan oleh seorang penutur dalam perbualannya, dan pengalihan kod ini berperanan sebagai satu strategi komunikasi.

Di Thailand, fenomena pengalihan kod telah dikaji secara mendalam oleh Wanpen

Thatawakorn ( 1981 ). Beliau telah memberikan penekanan kepada faktor topik dalam menentukan fenomena pengalihan kod. Subjek kajian beliau merupakan tujuh orang penuntut wanita keturunan Yao berumur di antara sembilan belas hingga dua puluh satu tahun, dan mereka sedang menuntut di Maktab Perguruan Jankasem Bangkok. Para penuntut ini telah diminta berbual sesama mereka berdasarkan topik yang berbeza-beza pada setiap kali pertemuan. Topiknya adalah seperti perbualan bebas, perbualan tentang kebudayaan Yao dan Thai, laporan berita, cuaca dan cuti musim panas, peluang mendapat pekerjaan dan sebagainya. Setiap masa pertemuan perbualan itu mengambil masa satu jam. Sebanyak empat pertemuan telah diadakan dan perbualan itu telah dirakamkan.

Setelah dianalisa, beliau telah berjaya mengesahkan tiga hipotesis yang dibuat olehnya adalah benar, iaitu pertama, bahasa Thai digunakan untuk membincangkan kebudayaan Thai, perkara akademik dan topik-topik yang berkaitan dengan keintelektualan. Kedua, bahasa Yao digunakan untuk membicarakan kebudayaan Yao, cara hidup mereka dan hal-hal yang berkaitan dengan ahli ahli keluarga mereka. Ketiga, bahasa Yao digunakan untuk topik-topik yang ringan.

Kaedah penyelidikannya boleh dipertanggungjawabkan kerana beliau telah mengawal dengan ketat angkubah sosial seperti peserta, topik, pendidikan dan latar. Namun demikian kenaturalan perbualan dan penggunaan bahasa yang dirakamkan untuk dijadikan sebagai data linguistik yang hendak dikaji dan dianalisa itu dapat dipertikaikan. Ini kerana semua responden terdiri daripada satu golongan masyarakat yang mendapat pendidikan tinggi sahaja. Tambahan pula suasana dan latar peristiwa itu sengaja dibuat-buat dan semua responden telah mengetahui bahawa perbualan mereka akan dirakamkan. Situasi seperti ini

menyebabkan perbualan mereka kurang natural yang boleh menjejaskan dapatan kajian. Seterusnya kajian beliau agak ringkas dan kerana itu kesahihan keputusannya masih boleh dipersoalkan. Misalnya pengkaji tidak menyatakan sama ada pengalihan kod tersebut berlaku di kalangan semua penutur atau beberapa orang penutur sahaja daripada subjek kajiannya apabila membicarakan sesuatu topik, walhal perkara ini amat penting kerana kita tidak boleh membuat kesimpulan tanpa bukti yang nyata, jelas dan konkrit.

Di Indonesia, Husein Widjajakusumah ( 1986 ) telah menumpukan kajiannya terhadap pengalihan kod dalam masyarakat dwibahasa Indonesia - Sunda di Kotamadya Bandung. Menurutnya, kota Bandung merupakan sebuah masyarakat majmuk yang terdiri daripada orang Sunda yang menggunakan bahasa Sunda dan juga kaum pendatang dari tempat-tempat lain di Indonesia yang menggunakan bahasa Indonesia. Jadi perlakuan berbahasa di dalam masyarakat Bandung sedang mengalami perubahan daripada ekabahasa kepada dwibahasa. Dengan itu sering wujud fenomena pengalihan kod antara kedua-dua bahasa tersebut.

Implikasi kajiannya, beliau berpendapat bahawa pengalihan kod di Kota Bandung dapat dilihat dari tiga aspek. Pertama, berlaku pengalihan kod antara dua bahasa, iaitu bahasa Sunda dengan bahasa Indonesia. Kedua, berlaku pengalihan kod antara dua versi dalam satu bahasa yang sama, iaitu antara versi bahasa halus dengan bahasa kasar. Ketiga, berlaku pengalihan kod yang melibatkan gaya bahasa dalam bahasa yang sama, misalnya pengalihan gaya bahasa yang bukan bersifat merayu kepada gaya merayu semasa hendak membuat sesuatu rayuan.

Menurutnya, gejala pengalihan kod ini dipengaruhi oleh lima faktor tertentu ; iaitu komunikator dan interlokutor, topik perbualan, konteks bahasa perbualan atau percakapan dalam sesuatu peristiwa itu, bentuk percakapan, dan latar suasana sesuatu percakapan itu berlaku. Berdasarkan lima faktor ini, beliau menjelaskan beberapa subfaktor untuk menghuraikan bagaimana pengalihan kod daripada bahasa Sunda kepada bahasa Indonesia atau sebaliknya boleh berlaku. Dia berpendapat kewujudan pengalihan kod tersebut merupakan satu interferensi, iaitu menyimpangnya daripada norma-norma sesuatu bahasa yang sedang digunakan oleh seseorang komunikator dwibahasa dan ini berpunca daripada mempelajari bahasa kedua. Akhir sekali beliau membuat satu kesimpulan bahawa fenomena pengalihan kod ini telah menyebabkan berlakunya interferensi yang kuat terhadap bahasa Indonesia dan bahasa Sunda sehingga wujudnya proses merosakkan bahasa baik bagi bahasa Indonesia mahupun bahasa Sunda.

## **2.2 Kajian di Malaysia**

Di Malaysia, fenomena pengalihan kod dan percampuran kod telah menjadi bahan kajian ahli-ahli bahasa seperti Asmah Haji Omar, Nik Safiah Karim, Wong Khek Seng, Ramli Salleh dan sebagainya. Bagi Asmah Haji Omar ( 1985 ), situasi atau keadaanlah yang menjadi faktor menentukan berlakunya pengalihan kod. Manakala Nik Safiah Karim ( 1988 ) melihat pengalihan kod ini dipengaruhi oleh faktor yang agak berbeza daripada Asmah. Beliau berpendapat selain situasi, faktor tajuk perbualan dan komunikator boleh mempengaruhi berlakunya pengalihan kod. Pengetahuan seseorang komunikator terhadap sesuatu tajuk dan bentuk tajuk boleh memainkan peranan yang utama dalam menentukan jenis bahasa yang hendak digunakan. Seterusnya faktor peserta yang

terlibat dalam sesuatu komunikasi, kalau tali perhubungan antara peserta itu rapat seperti ahli keluarga, maka bahasa ibunda akan digunakan dalam komunikasi. Sebaliknya, kalau hubungannya kurang erat atau berbentuk formal seperti majikan dengan pekerja, maka bahasa rasmi akan digunakan. Akhirnya situasi merupakan aspek penting yang boleh menentukan berlakunya pengalihan kod. Dalam situasi formal, lazimnya seseorang komunikator akan menggunakan bahasa rasmi tetapi dalam situasi tidak formal, seseorang komunikator akan menggunakan bahasa ibunda atau dialek masing-masing.

Penyelidikan tentang gejala pengalihan kod oleh Wong Khek Seng ( 1978 ) adalah tentang perselisihan bahasa di Kampung Kerinci, Kuala Lumpur. Dalam kajian tersebut, beliau telah menemu duga beberapa orang pemaklum Kampung Kerinci dengan berdasarkan beberapa soalan yang disediakan. Data-data linguistik itu dirakam dan dianalisis. Daripada hasil analisis itu, beliau dapat mengenal pasti pengalihan kod, jenis serta faktor-faktor yang mengakibatkan berlakunya pengalihan kod. Dalam kajian itu, beliau juga membuat satu kesimpulan yang agak menarik, iaitu kaum wanita daripada golongan yang berpendidikan tinggi iaitu dari sekolah menengah ke atas lebih cenderung melakukan pengalihan kod berbanding dengan kaum lelaki daripada latar sosial yang sama (Wong Khek Seng : 66 - 68 ).

Satu lagi hasil kajian yang memaparkan persoalan fenomena pengalihan kod telah dilakukan oleh Farid M. Onn, Ajid Che Kob, dan Ramli Salleh ( 1987 ). Dalam kajian itu mereka memaparkan suatu fenomena penggunaan dwibahasa yang melibatkan satu komuniti kecil Melayu di Kampung Asun-Kunluang yang terletak di Kubang Pasu, Kedah. Penggunaan bahasa ini agak unik. Ini kerana mereka menggunakan kedua-dua jenis bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Sam-Sam Siam dalam pertuturan seharian mereka. Kedua-

dua bahasa ini agak jauh bezanya.

Menurut mereka, pemilihan antara kedua-dua bahasa itu bukanlah dilakukan secara sewenang-wenangnya dan mengikut selera penutur masing-masing tetapi disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Pemilihan tersebut dapat memberi gambaran tentang pola penggunaan bahasa yang jelas. Mereka berpendapat bahawa kriteria umur, jantina, pendidikan, status dalam keluarga dan masyarakat, latar serta fungsi interaksi merupakan faktor-faktor yang penting dalam pembentukan corak penggunaan bahasa dan pola pengalihan kod yang wujud dalam masyarakat itu. Hasil kajian mereka itu menunjukkan bahawa bahasa ibunda ( bahasa Melayu ) tidak secara automatiknya menjadi bahasa utama dalam konteks masyarakat Melayu Kampung Asun-Kunluang yang bercorak dwibahasa itu. Mereka juga mendapati bahawa golongan tua yang berumur enam puluh tahun ke atas lebih suka menggunakan bahasa Sam-Sam Siam dan kadarnya amat tinggi sekali. Sementara itu pemaklum yang berumur antara enam tahun hingga ke dua belas tahun pula lebih suka bertutur dalam bahasa Melayu sahaja.

Di Kelantan , fenomena bahasa kaum minoriti Cina Peranakan Kelantan telah dikaji oleh Teo Kok Seong ( 1992 ). Dalam kajiannya, beliau telah menghuraikan pengaruh bahasa Melayu dialek Kelantan terhadap bahasa ibunda Cina Peranakan Kelantan, khususnya dalam susunan leksikal dalam pembinaan frasa. Kajiannya menunjukkan bahawa struktur frasa nama dialek Cina Peranakan Kelantan sama dengan dialek Melayu, iaitu mengikut Hukum D-M. Seterusnya beliau mendapati bahasa Melayu dialek Kelantan wujud dalam bahasa Cina Peranakan Kelantan seperti penanda relatif, partikel dan kata bantu. Di samping itu, komuniti Cina Peranakan Kelantan juga meminjam leksikal dialek Melayu Kelantan kerana asimilasi

yang berlaku telah menyebabkan mereka kehilangan leksikal asalnya berhubung dengan beberapa objek atau konsep ( 1992 : 23 ).

Beliau juga mendapati bahawa bahasa komuniti Cina Kelantan mempunyai lima kelainan ( 1996 : 348 ). Pertama, kelainan yang dipengaruhi oleh bahasa Melayu dialek Kelantan. Kelainan ini wujud di Peringat Kota Bharu. Kelainan ini memperlihatkan peminjaman leksikon bahasa Melayu dialek Kelantan yang berlebihan. Kedua, kelainan yang dipengaruhi oleh bahasa Thai. Kelainan ini wujud di Wakaf Bharu kerana kedudukannya yang berhampiran Tumpat yang menjadi tumpuan masyarakat Thai. Ketiga, kelainan yang mempunyai telor Thai yang dituturkan oleh komuniti Cina Peranakan di Balai, Bachok. Kelainan ini mempunyai telor Thai yang agak signifikan. Keempat, kelainan yang mempunyai telor Cina yang mempunyai persamaan dengan dialek Hokkien Amoy di China dari segi fonetik, fonologi dan sintaksisnya. Kelainan ini diucapkan oleh komuniti Cina Peranakan di kampung Joh, Machang. Kelima, kelainan yang mempunyai pengaruh bahasa Melayu dialek Kelantan dan bahasa Thai dialek Kelantan yang sederhana. Kelainan ini dituturkan oleh kebanyakan komuniti Cina Peranakan Kelantan, dan penyebarannya tidak tertumpu di kawasan yang khusus.

Tegasnya, satu fenomena pokok dalam kajian Teo Kok Seong ialah kewujudan leksikal bahasa Melayu dialek Kelantan dalam bahasa ibunda kaum Cina Peranakan Kelantan. Namun demikian terdapat kelainan dari segi tahap pengaruh leksikal bahasa Melayu dialek Kelantan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain.

Komuniti Cina Peranakan Kelantan kerap dikaji oleh ahli-ahli sosiologi. Pengkaji-pengkaji ini telah menumpukan kajian mereka dalam aspek budaya, politik dan ekonomi. Pengakaji-pengkaji tersebut adalah seperti Robert L. Winzeler, Roger Kershaw, Tan Chee Beng, Hanapi Dollah dan sebagainya. Walaupun para sarjana ini tidak memfokuskan kajian mereka dalam aspek bahasa secara khusus, namun hasil kajian mereka dapat memberikan input yang bermakna kepada pengkaji-pengkaji sosiolinguistik untuk mengetahui latar belakang dan kebudayaan kaum-kaum minoriti ini. Hal ini sedemikian kerana bahasa menjadi sebahagian daripada kebudayaan sesuatu bangsa.

Kajian Winzeler adalah mengenai dua kelompok etnik, iaitu kaum Cina dan kaum Thai ( 1985 : 103-118 ). Dalam huraian nya tentang kaum Cina, beliau telah menyentuh kegiatan ekonomi dan organisasi sosial Cina kampung ( Peranakan ) dan Cina bandar. Di samping kedua-dua etnik ini, beliau juga menghuraikan kaum-kaum bukan Melayu lain seperti orang Arab, Pakistan, Punjabi dan Benggali. Beliau menjelaskan bagaimana kaum-kaum minoriti ini membentuk hubungan kaum di bandar Pasir Mas. Kumpulan-kumpulan etnik ini ditinjau dari pelbagai segi seperti dalam kegiatan ekonomi, agama dan kepercayaan, demografi etnik dan akulturasi, prasangka dan stereotaip, dan sebagainya.

Tan Chee Beng juga telah melakukan kajian terhadap komuniti Cina kampung. Dalam makalahnya, beliau telah menghuraikan agama dan sistem kepercayaan kaum Cina kampung. Dalam aspek ini, kaum Cina kampung masih berpegang teguh pada adat dan sistem kepercayaan mereka. Beliau juga menghuraikan sedikit mengenai asimilasi. Beliau mendapati bahawa kaum Cina kampung di Kelantan tidak jauh bezanya dengan kaum Melayu dari segi pakaian, makanan dan bentuk rumah. Dialek Hokkien mereka juga berbeza dengan

dialek Hokkien yang sebenar ( Tan Chee Beng, 1982 : 28-29 ).

Seorang lagi pengkaji yang terlibat ialah Hanapi Dollah. Kajian beliau adalah mengenai komuniti Cina kampung di Mata Ayer, Machang. Dalam kajiannya, beliau mendapati asimilasi telah berlaku dalam pelbagai aspek baik dari segi sosial, ekonomi mahupun politik ( Hanapi Dollah, 1986 : 100 ). Kajiannya tentang asimilasi sama dengan kajian yang dilakukan oleh Tan Chee Beng. Beliau mendapati pakaian, makanan, dan bentuk rumah komuniti Cina kampung di Mata Ayer banyak dipengaruhi oleh kebudayaan Melayu.

Ringkasnya setiap pengkaji di atas telah menumpukan perhatian mereka dalam aspek-aspek tertentu. Misalnya Winzeler lebih menumpukan perhatian kepada perhubungan etnik manakala Tan Chee Beng pula menekankan aspek agama dan sistem kepercayaan komuniti Cina Kampung. Hanapi Dollah pula lebih menekankan kajian beliau dalam aspek asimilasi budaya.

### 2.3 Kesimpulan

Gejala pengalihan kod dan percampuran kod dalam masyarakat heterogen merupakan satu gejala universal. Ini kerana apabila dua bahasa bertembung maka akan berlaku gejala kedwibahasaan seperti peminjaman bahasa, pengalihan kod, percampuran kod dan sebagainya. Sebagai komuniti minoriti, pertembungan bahasa dalam jangka panjang telah menyebabkan komuniti Cina Peranakan di Kelantan

A510790086

menjadi masyarakat dwibahasa sehingga interaksi sosial komunitas ini dengan kaum dominan merupakan komunikasi dua hala yang berkesan.